

**MENELUSURI IDENTITI MASYARAKAT HAINAN DI PANTAI BARAT SABAH,  
1884 -1991**

***TRACING THE IDENTITY OF THE HAINAN COMMUNITY ON THE WEST COAST  
OF SABAH, 1884-1991***

**Seah Soo Lin\***

**Danny Wong Tze Ken**

**Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA**

**\*Corresponding Author: [shuyen2203@gmail.com](mailto:shuyen2203@gmail.com)**

**Received: 11 December 2025; Accepted: 16 June 2026**

**Abstrak**

Artikel ini membincangkan transformasi, dinamik dan kepelbagaian identiti masyarakat Hainan di pantai barat Sabah di antara tahun 1891 sehingga 1991. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk menjelaskan beberapa label, termasuk asal-usul label, bagaimana ia dikaitkan dengan kumpulan dialek ini, dan kepentingannya kepada mereka. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis sumber dokumen di arkib, tafsiran surat khabar dan sumber-sumber Cina seperti majalah persatuan sosial serta salasilah puak. Temu bual turut dijalankan dalam kalangan orang Hainan kerana pengalaman mereka yang berasal dari Pulau Hainan ternyata berguna sekali. Ini telah melengkapkan maklumat yang tidak terdapat dalam sumber bertulis. Analisis data seperti bancian penduduk juga dijalankan. Sehingga setakat ini, kajian mengenai masyarakat Hainan di Sabah amat kurang, kebanyakannya telah tertumpu kepada orang Hakka. Walaupun begitu, masyarakat Hainan turut memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi dan budaya orang Cina di Sabah, terutamanya dalam sektor pemakanan. Kajian ini juga membuktikan walaupun masyarakat ini mempunyai jumlah populasi yang kecil, mereka bukan satu entiti yang homogen. Ini ditunjukkan daripada reaksi mereka terhadap Pelan Gagasan Malaysia. Dapatan kajian juga menunjukkan sejak kedatangan orang Hainan ke Sabah, mereka cuba memelihara dan mengekalkan identiti yang mereka warisi dari kampung halaman di China. Namun, reaksi terhadap dasar pemerintah di Sabah, pergolakan politik serantau, interaksi budaya serta penduduk tempatan menyebabkan mereka mengadaptasikan identiti baharu.

**Kata Kunci:** Hainan, Label, Transformasi, Pantai Barat Sabah, Identiti

***Abstract***

*This article discusses the transformation, dynamics, and diversity of the identity of the Hainanese community on the West Coast of Sabah from 1891 to 1991. The purpose of this study is to explain several of these labels, including their origins, how they are associated with this dialect group, and their significance to them. This research employs a qualitative method through the analysis of documentary sources in the archives, newspaper interpretations, and Chinese sources such as social association magazines and clan genealogies. Interviews were also conducted with the Hainanese people because the experiences of those originally from Hainan Island proved to be highly valuable. This fieldwork supplemented information that was unavailable in written sources. Data analysis, such as population censuses, was also conducted. To date, research on the Hainanese community remains scarce, as most studies*

*have focused on the Hakka people. Nevertheless, the Hainanese community has played a vital role in the economic and cultural spheres of the Chinese in Sabah, particularly in the food sector. This study proves that despite their small population, this community is not a homogeneous entity, as demonstrated by their reaction to the Malaysia Proposal plan. The finding also shows that since the arrival of the Hainanese in Sabah, they have attempted to preserve and maintain the identity inherited from their homeland in China. However, responses to government policies in Sabah, regional political turmoil, and cultural interactions with the local population have led them to adapt to new identities.*

**Keywords:** *Hainanese, Labels, Transformation, West Coast Of Sabah, Identity*

## **Pengenalan**

Masyarakat Hainan membentuk hanya lebih kurang 3.5 peratus daripada jumlah populasi orang Cina di Malaysia, namun, mereka disenaraikan sebagai salah satu daripada lima kumpulan dialek utama dalam kalangan etnik Cina di negara ini.<sup>1</sup> Kedudukan mereka yang tersenarai dalam struktur masyarakat Cina adalah berpunca dari budaya mereka yang tersendiri. Dialek Hainan, walaupun mempunyai asal usulnya dari Wilayah Fujian dan digolongkan sebagai salah satu cabang Bahasa Minnan (selatan Wilayah Fujian), adalah unik. Dialek Hainan merupakan hasil asimilasi Bahasa Minnan dengan bahasa peribumi Pulau Hainan.<sup>2</sup> Hasilnya, dialek ini tidak dapat lagi berkomunikasi dengan cabang dialek Minnan yang lain. Cabang Bahasa Minnan yang lain adalah seperti dialek Hokkien dan Teochew. Ini merupakan salah satu faktor masyarakat Hainan, dalam konteks budaya Minnan, membentuk kesedaran dialeknnya.

Masyarakat Hainan juga berjaya menonjolkan budaya mereka sebagai budaya teras masyarakat Cina, terutamanya dalam industri pemakanan. Berdasarkan pengalaman kerja mereka sebagai tukang masak sejak penghijrahan ke Asia Tenggara lagi, mereka dengan kebijakannya menggabungkan hidangan Barat seperti roti, kopi dan tart telur dengan makanan tradisi masyarakat Hainan seperti nasi ayam Hainan dan 'chicken chop' sehingga telah membentuk hidangan gabungan atau 'fusion cuisine' budaya Hainan. Siri fusion cuisine ini dipromosikan melalui jenama Kedai Kopi Hainan. Buat masa ini, Kedai Kopi Hainan merupakan lanskap utama restoran orang Cina di rantau ini. Kopi Hainan dan makanan Hainan ialah satu budaya dan pengalaman baharu orang Hainan di Asia Tenggara,<sup>3</sup> yang menunjukkan kepintaran mereka mengadaptasikan budaya baharu di tanah baharu.

Terdapat beberapa pemimpin politik orang Cina terkemuka yang datang daripada masyarakat Hainan, contohnya Tan Koon Swan dan Ong Tee Keat masing-masing merupakan Presiden Malayan Chinese Association (MCA) yang keenam dan yang kelapan. MCA merupakan parti politik kaum Cina yang terkemuka dan berpengaruh sejak awal kemerdekaan Tanah Melayu sehingga awal tahun 2000-an.<sup>4</sup> Teng Chang Khim yang berasal dari Johor pula pernah dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor dan beliau merupakan kaum Cina yang pertama menjawat jawatan ini. Dalam bulan Mei 2024, di Singapura, negara jiran Malaysia yang dibentuk lebih kurang 74% daripada orang Cina, Lawrence Wong Shyun Tsai telah dilantik sebagai Perdana Menteri baharu. Lawrence Wong adalah daripada kumpulan dialek Hainan. Pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri telah memecahkan tradisi bahawa pemimpin-pemimpin utama negara itu adalah daripada kumpulan dialek utama seperti Hakka dan Hokkien.<sup>5</sup>

Di Sabah,<sup>6</sup> masyarakat Hainan turut memaparkan sifat kepimpinan mereka. Foo Kiat Shin, seorang Hainan yang berasal dari Beaufort, sebuah pekan kecil yang terletak di bahagian

pantai barat selatan Sabah, merupakan Peguam Besar Negeri Sabah dari tahun 1986 hingga tahun 1999.<sup>7</sup> Yong Ket How pula, presiden kepada Persatuan Hainan Kota Kinabalu telah dipilih sebagai presiden kepada Persekutuan Persatuan Hainan Malaysia pada tahun 2024.<sup>8</sup> Persekutuan ini merupakan gabungan 78 pertubuhan Hainan dari seluruh Malaysia dan mempunyai keahlian lebih daripada 40,000 orang.<sup>9</sup>

Sesungguhnya, masyarakat Hainan merupakan satu kumpulan dialek Cina yang unik dan bernilai untuk dikaji. Artikel ini meninjau perubahan identiti masyarakat Hainan di pantai barat Sabah dari aspek budaya dan politik. Perubahan identiti masyarakat ini dijejaki melalui perubahan label yang digunakan ke atas mereka, perbincangan berfokus kepada lokalisasi masyarakat ini di Sabah. Oleh itu, antara beberapa perkara yang akan dibincangkan ialah asal usul masyarakat Hainan di Pulau Hainan, ini termasuk label-label orang Hainan yang paling awal, latar belakang orang Hainan yang berhijrah ke Sabah dan adaptasi mereka kepada identiti tempatan. Tempoh kajian adalah antara tahun 1884 hingga tahun 1991. Tahun 1884 ialah tahun yang paling awal mempunyai catatan rasmi kedatangan orang Hainan ke Sabah. Catatan tersebut terdapat dalam *British North Borneo Herald* yang bertarikh 1 Mei 1884. Manakala tahun 1991 ialah tahun secara rasminya masyarakat Hainan di Sabah mengadaptasikan label Hainan. Kawasan kajian ialah sepanjang pantai barat Sabah iaitu satu dataran sempit yang terletak di antara Laut China Selatan di bahagian barat, dan Banjaran Crocker di timur. Di sepanjang kawasan ini, bahagian selatan terletak bandar Beaufort, bahagian tengah ialah Kota Kinabalu dan bahagian utara pula terletak Kudat. Kawasan ini mempunyai tiga buah Persatuan Hainan yang masing-masing terletak di Beaufort, Kota Kinabalu dan Kudat. Ketiga-tiga bandar ini dan kawasan sekitarnya mempunyai komposisi penduduk, sosiobudaya, faktor geografi dan corak ekonomi yang berbeza. Ini menggalakkan transformasi identiti yang berbeza tahapnya dalam kalangan masyarakat Hainan ketiga-tiga bandar.

## Latar Belakang dan Penghijrahan

Masyarakat Hainan adalah berasal dari Pulau Hainan, pulau ini yang terletak di bahagian paling selatan China, adalah lebih kurang 1,600 kilometer dari Kota Kinabalu, Sabah. Pada tahun 1858, di bawah Perjanjian Tientsin, Kerajaan Manchu terpaksa membuka Pelabuhan Haikou di bahagian utara Pulau Hainan untuk perdagangan bebas, tempoh ini juga menandakan permulaan penghijrahan keluar orang Hainan ke Asia Tenggara. Salah satu destinasi mereka ialah Sabah. Sejak itu, kumpulan dialek ini telah menjadi salah satu daripada lima kumpulan dialek Cina yang utama di Sabah.

Dalam kajian mengenai masyarakat Hainan di Malaysia dan Singapura, Ye Xiaojing menyenaraikan beberapa faktor penghijrahan keluar orang Hainan ke Asia Tenggara seperti faktor bencana alam, tekanan sosial akibat lebih penduduk, serangan Jepun dan penindasan politik dari tentera Kuomintang. Menurut Ye, di daerah Qionghai 琼海 (nama asal daerah Lehui 乐会),<sup>10</sup> iaitu kampung asal kebanyakan orang Hainan di Kota Kinabalu, pada tahun 1894, 1895 dan 1905 telah berlaku banjir mengakibatkan kerosakan sawah padi. Pada tahun 1910 pula berlaku musim kemarau, manakala sawah padi diserang serangga perosak pada tahun 1925. Bencana alam ini mengakibatkan kebuluran dan ini merupakan antara faktor penghijrahan orang Hainan.<sup>11</sup>

Dalam surat khabar *British North Borneo Herald*, terdapat catatan mengenai kedatangan orang Hainan ke Sabah. Surat khabar bertarikh 1 Disember 1891 mencatatkan E. H. Parker, duta British di Hoi-How, mengerah orang Hainan untuk menjadi buruh di Borneo Utara. 'Hoi-How men' dan buruh Pak-Hoi 北海 ialah istilah yang digunakan oleh E. H. Parker

dan pegawai Kerajaan Syarikat Berpiagam untuk melabelkan orang Hainan dari Pulau Hainan dan Semenanjung Leizhou 雷州. Ini adalah kerana kumpulan orang Cina ini berhijrah melalui kedua-dua pelabuhan ini. Orang Hainan telah dikerah dari Pulau Hainan untuk menjadi buruh di ladang di Sandakan. Mereka meninggalkan Pulau Hainan melalui Pelabuhan Hoi-How. Menurut Parker, orang Hainan memiliki sikap kehambaan dan feodal berbanding dengan buruh di tanah besar.<sup>12</sup>

Rekod keahlian Persatuan Qiongzhou Kota Kinabalu mencatatkan kedatangan orang Hainan yang paling awal ke Kota Kinabalu ialah pada tahun 1903. Walaupun begitu, kedatangan orang Hainan ke bahagian pantai barat selatan Sabah adalah lebih awal dari itu. Ini disebabkan Persatuan Hainan Labuan telah ditubuhkan pada tahun 1890,<sup>13</sup> dan dijangkakan terdapat sebilangan orang Hainan yang berhijrah ke Beaufort dan Kota Kinabalu apabila bandar ini diasaskan pada tahun 1898 dan 1899 masing-masing. Hampir kesemua daripada mereka yang datang antara 1900 sehingga 1910 adalah dari daerah Lehui. Kedatangan mereka bukan sahaja sekadar untuk mencari peluang pekerjaan di Sabah, tetapi disebabkan berlakunya malapetaka dalam tempoh tersebut di kampung halaman mereka di daerah Lehui dan daerah Wenchang.

Banci penduduk Sabah tahun 1960 mencatatkan orang Hainan adalah seramai 5,270 orang, merangkumi 5.04% daripada jumlah orang Cina pada ketika itu.<sup>14</sup> Sehingga tahun 1991, bilangan mereka hanya bertambah kepada 6,939 orang atau hanya merupakan 3.48% daripada keseluruhan bilangan orang Cina. Sehingga tahun 2006, terdapat tujuh buah persatuan Hainan di Sabah, iaitu di Sandakan yang ditubuhkan pada tahun 1902, Kota Kinabalu (1927), Tawau (1927), Beaufort (1941), Kudat (1980), Lahad Datu (1986) dan Keningau (2006).<sup>15</sup>

### **Orang Hainan di Pantai Barat Sabah**

Sarjana menganggarkan pada tahun 1970 terdapat lebih kurang 1,500 orang Hainan berbanding orang Hakka yang berjumlah 16,400 di Kota Kinabalu, bandar terbesar di pantai barat Sabah. Orang Hainan memonopoli perniagaan kedai kopi di pantai barat Sabah. Pada awal tahun 1970-an, 32 daripada 34 buah kedai kopi di Kota Kinabalu diusahakan oleh orang Hainan. Di Beaufort, pada tahun yang sama, kesemua enam buah kedai kopi adalah milik orang Hainan.<sup>16</sup> Walaupun begitu, kecederungan sebagai pengusaha kedai kopi telah berubah, pada tahun 1980-an, didapati hanya tiga orang (7.50%) daripada 40 orang ahli Persatuan Hainan Kota Kinabalu yang merupakan pengusaha kedai kopi, 19 orang (47.50%) dan 18 orang (45.00%) merupakan golongan profesional dan ahli peniaga, ini berbanding dengan tahun 1960-an, antara 111 orang ahli persatuan ini, 47 orang (42.34%) daripada mereka ialah pengusaha kedai kopi.<sup>17</sup> Perubahan ini adalah hasil dari semakin ramai generasi muda Hainan yang mengikuti sistem pendidikan Inggeris mulai tempoh selepas perang, dengan itu, mereka berpeluang menjadi pegawai kerajaan dan ahli profesional. Selain itu, corak pekerjaan serta aktiviti ekonomi yang berpelbagaian sejak pemerintahan Kerajaan Kolonial British menyediakan peluang kepada orang Hainan untuk meninggalkan pekerjaan tradisional ini.<sup>18</sup>

Dari segi asal usul di China, ramai daripada orang Hainan yang berada di Kota Kinabalu berasal dari daerah Lehui. Mengikut senarai keahlian Persatuan Hainan Kota Kinabalu, di antara empat orang Hainan yang tiba di Kota Kinabalu sebelum atau pada tahun 1910, tiga daripada mereka berasal dari daerah Lehui dan yang seorang lagi dari daerah Wenchang. Pada tahun 1964, 17 daripada 23 orang ahli jawatankuasa Persatuan Hainan Kota Kinabalu berasal dari daerah Lehui, iaitu 73.91%. Lima orang, atau 21.74% dari Wenchang, seorang dari Qiongzhou. Dalam kalangan ahli biasa, 112 orang ahli Persatuan Hainan Kota Kinabalu yang

menyatakan latar belakang mereka, 62 orang atau 55.36% dari Lehui; 33 orang, atau 29.46% dari Wenchang dan tujuh orang atau 6% dari Qionghai. Oleh itu, Persatuan Hainan dan masyarakat Hainan di Kota Kinabalu adalah didominasi oleh kumpulan Lehui.<sup>19</sup> Manakala yang berasal dari daerah Qionghai dan daerah Wanning ialah tujuh dan empat orang, iaitu sebanyak 6.25% dan 3.57% masing-masing.

Persatuan Hainan Kota Kinabalu didominasi oleh kumpulan Lehui, manakala di Beaufort, kumpulan yang dominan ialah dari daerah Wenchang. Pada awal 1910-an di Beaufort, orang Hainan di sini mengasaskan satu perkampungan Hainan yang bernama Wenhuiyuan 文华园, iaitu Taman Wenhua. Keluasan Wenhuiyuan lebih kurang 200 ekar.<sup>20</sup> Wenhuiyuan telah ditubuhkan oleh puak daerah Wenchang, khususnya mereka yang membawa nama keluarga Zhan 詹. Wenhuiyuan ditubuhkan oleh Zhan Xingyi 詹行乙 dan Zhan Xingquan 詹行宽. Ini merupakan satu perkampungan orang Hainan yang di kelilingi ladang getah, di dalamnya mempunyai kedai runcit, kilang memproses getah serta kawasan perumahan. Orang Hainan yang datang dari daerah Wenchang akan mendapatkan bantuan di sini sama ada bekerja di ladang, kilang memproses getah ataupun menjadi pembantu kepada saudara-mara yang membuka kedai kopi. Seorang Hainan yang bernama Zhan Zunke 詹尊科 yang datang ke Sabah selepas Perang Dunia Kedua menyatakan pengalaman penghijrahannya. Zhan yang tiba di Kota Kinabalu pada tahun 1955 cuba mendapatkan bantuan orang Hainan di situ. Apabila tiba di sebuah kedai kopi kelolaan orang Hainan, Zhan diberitahu orang Hainan dari daerah Wenchang yang nama keluarga Zhan harus mencari nasib di Beaufort kerana Wenhuiyuan di Beaufort adalah markas untuk masyarakat Hainan ini. Dengan nasihat ini, Zhan berpindah ke Beaufort dan mendapat bantuan saudara sekampungnya di sana. Beliau telah bermastautin di Beaufort, membuka sebuah kedai kopi sehingga meninggal dunia pada tahun 2019. Keunikan Wenhuiyuan yang berasaskan keluarga Zhan dari daerah Wenchang menyebabkan Beaufort menjadi tumpuan orang Hainan dari Wenchang. Satu tinjauan ringkas ke atas 15 buah keluarga Hainan di Beaufort, didapati 12 daripada 15 adalah berasal dari daerah Wenchang (80%).<sup>21</sup>

Di Kudat, dalam 72 orang ahli Persatuan Hainan yang diketahui daerah asal mereka, 68 daripada mereka, iaitu 94%, adalah berasal dari Qionghai, empat orang dari Wenchang.<sup>22</sup> Ini menjelaskan Kudat menjadi tumpuan penghijrahan orang Hainan dari daerah Qionghai. Dari senarai ahli jawatankuasa persatuan ini, didapati lapan orang daripada pemimpin utama, empat daripadanya berasal dari Zhongyuan 中原市, iaitu sebuah bandar yang terletak di daerah Qionghai.<sup>23</sup>

Selain dari ketiga buah bandar yang tersebut di atas, orang Hainan juga terdapat di bandar dan pekan kecil lain di sepanjang pantai barat selatan seperti Membakut, Papar, Tuaran Telipok dan Tamparuli. Orang Hainan di Membakut menjadi ahli Persatuan Hainan Beaufort, manakala orang Hainan dari ketiga-tiga bandar yang lain yang tersebut menjadi ahli Persatuan Hainan Kota Kinabalu.<sup>24</sup>

Tidak banyak maklumat mengenai orang Hainan di Sabah yang diketahui sehinggalah awal tahun 1970-an, apabila Han Sin Fong menjalankan penyelidikan ke atas orang Cina Sabah, kajian beliau merangkumi orang Hainan di pantai barat Sabah.<sup>25</sup> Pada tahun 1975, Han menghasilkan satu artikel khusus membincangkan masyarakat Hainan.<sup>26</sup> Seperti kebanyakan kajian ke atas orang Cina pada ketika itu yang cenderung meninjau tema corak dan aktiviti ekonomi orang Cina,<sup>27</sup> Han meninjau impak sistem pendidikan Inggeris dan teknologi Barat serta aktiviti ekonomi moden ke atas struktur masyarakat Hainan di Sabah, pekerjaan tradisi dan hubungan antara kumpulan dialek. Walaupun begitu, kajian yang menggunakan tema

Sabah ini adalah lebih menumpukan Labuan. Selepas kajian Han, hampir semua kajian mengenai masyarakat Cina di Sabah telah tertumpu kepada masyarakat Hakka. Terdapat beberapa kajian mengenai masyarakat Hainan, tetapi kebanyakannya tertumpu di Semenanjung Malaysia. Contohnya, pada tahun 2014, satu artikel mengenai bahasa dan budaya masyarakat Hainan telah dihasilkan oleh Eileen Lee, Shin Pyng Wong dan Lyon Laxman yang bertajuk “Language Maintenance and Cultural Viability in the Hainanese Community: A Case Study of The Melaka Hainanese”.<sup>28</sup> Mulai tahun 2020-an, kajian masyarakat Hainan menjadi lebih terperinci. Kajian-kajian ini datang daripada Ye Xiaojing叶晓静 (2022), Yun Weili 云惟利(2024) dan Onn Huann Jan安焕然 (2024). Terdapat satu artikel yang menarik yang diusahakan oleh Ye Zhiping, Azlizan Mat Enh dan Suffian Mansor, artikel ini yang bertajuk “Reasons for the Immigration of Hainanses Overseas Chinese to Malaya (1870-1939): From A Push-Pull Perspective”, diterbitkan di *Asian Journal of Environment, History and Heritage* pada tahun 2025.<sup>29</sup> Walaupun begitu, boleh dikatakan kesemua kajian ini kurang memberi perhatian kepada masyarakat Hainan di Sabah. Kajian yang terbaharu mengenai masyarakat Hainan di Sabah dibuat oleh Fu Sai Hoe, seorang sarjana daripada kumpulan dialek Hainan. Artikel beliau bertajuk “Hainanese in Sandakan: Journey of Cultural Inheritance”, diterbitkan di *ERUDITE: Journal Of Chinese Studies and Education* pada tahun 2025.<sup>30</sup> Artikel ini adalah mengenai peranan dan usaha Persatuan Hainan Sandakan dalam mewarisi dan memperkembangkan budaya Hainan. Kajian dilakukan melalui pemerhatian dan penglibatan beliau sendiri dalam aktiviti dan program persatuan tersebut, namun kajian ini kurang menggunakan sumber arkib. Artikel ini lebih merupakan satu artikel deskriptif daripada penulisan kritis. Oleh yang demikian, dari konteks kajian identiti dan label masyarakat Hainan di Sabah, artikel yang dihasilkan ini menampung beberapa perkara asas yang tidak dijawab oleh Han dan sarjana di atas, siapakah orang Hainan, bagaimana masyarakat Hainan dibentuk semula di tanah baharu, asal usul label mereka serta kepelbagaian identiti politik mereka khususnya pada awal tahun 1960-an.

### **Asal Usul Label Orang Hainan**

Sepanjang tempoh dari awal penghijrahan dan petempatan sehingga tahun 1990-an, masyarakat Hainan mengadaptasikan pelbagai identiti dan label. Adaptasi identiti dan label-label baharu ini ialah satu proses penyesuaian dan lokalisasi di tanah baharu. Terdapat beberapa label yang diwarisi oleh orang Hainan dari kampung halaman mereka di China, label-label ini telah digunakan sejak penghijrahan dan petempatan mereka di tanah baharu. Di sini, antara tiga label utama yang akan dibincangkan ialah Tian Hou Shengmu天后圣母, Qiongzhou琼州 dan Hainan海南.

Tuhan yang biasa disembah oleh masyarakat Hainan ialah Tian Hou Shengmu atau Mazu妈祖, juga dikenali sebagai Tianfei天妃. Selain itu, mereka juga menyembah Shuiwei Shengniang水尾圣娘 dan Xian Furen洗夫人, tetapi di antara yang paling popular ialah Tian Hou Shengmu. Masyarakat Hainan biasanya mengenali Tian Hou Shengmu sebagai Pozu婆祖. Tokong yang didirikan untuk menyembah Tian Hou Shengmu dikenali sebagai Tian Hou Miao天后庙 atau Tian Hou Gong天后宫. Masyarakat Hainan percaya Tian Hou Shengmu mempunyai kuasa melindungi keselamatan nelayan dan pelayar, memudahkan aktiviti perniagaan para pedagang dan melindungi penduduk waktu berlaku taufan. Ini menyebabkan Tian Hou Shengmu diterima baik oleh masyarakat Hainan, walaupun ia merupakan

kepercayaan yang berasal dari wilayah Hokkien. Oleh itu, pada kebiasaannya, Tian Hou Miao atau Tokong Tian Hou didirikan sebaik saja orang Hainan bertapak di tanah baharu.<sup>31</sup>

Tian Hou Shengmu dibincangkan di sini sebagai salah satu daripada label orang Hainan sebab selain dari peranan keagamaannya, Tian Hou Shengmu merupakan identiti budaya yang paling awal digunakan oleh orang Hainan untuk bertapak di Asia Tenggara termasuk Sabah. Ia dijadikan lambang menyatukan orang Hainan.<sup>32</sup> Pada awal penghijrahan dan petempatan mereka di tanah baharu seperti Sabah mahupun di wilayah Asia Tenggara yang lain, untuk membentuk semula masyarakat Hainan, pemimpin Hainan menggunakan pertubuhan agama ini sebagai lambang penyatuan masyarakat. Majalah Persatuan Hainan Kota Kinabalu mencatatkan pemimpin awal persatuan tersebut, iaitu Lin Tingzao 林廷藻, yang membawa Tian Hou Shengmu dari Pulau Hainan. Selain dari untuk tujuan sembahyang, adalah untuk menjalinkan hubungan masyarakat Hainan.<sup>33</sup> Tokong Tian Hou Shengmu telah menjadi tapak masyarakat Hainan berkumpul, membincangkan hal-hal mengenai masyarakat Hainan serta menjadi tempat menjalankan upacara menyembah tuhan. Dalam kebanyakan kes, Tokong Tian Hou Gong akan ditukarkan kepada Persatuan Hainan. Walaupun begitu, di dalam premis persatuan tersebut masih diwujudkan tempat menyembah tuhan ini. Boleh dikatakan, Tian Hou Gong telah bersebuti dengan Persatuan Hainan.

Didapati Persatuan Hainan Kota Kinabalu bermula dengan mengasaskan tapak menyembah Tian Hou Shengmu, kemudiannya satu pertubuhan yang dinamakan Xieheshe 协和社 dibentuk untuk membantu orang Hainan yang berhijrah ke Kota Kinabalu.<sup>34</sup> Hari ini, Persatuan Hainan Kota Kinabalu mengekalkan nama Tian Hou Gong dengan nama penuh Tian Hou Gong Yabi Hainan Hui Guan 天后宫亚庇海南会馆 yang menandakan penyatuan Tian Hou Gong dengan persatuan tersebut. Di Sabah, antara tujuh buah Persatuan Hainan, empat buah daripadanya berasal dari Tokong Tian Hou Shengmu. Selain dari Tian Hou Gong Yabi Hainan Hui Guan, persatuan yang lain ialah Tian Hou Gong Sandakan Hainan Hui Guan, Tian Hou Gong Kudat Hainan Hui Guan dan Tian Hou Gong Tawau Hainan Hui Guan.<sup>35</sup>

Satu lagi label masyarakat Hainan ialah Qiong 琼. Istilah Qiong mula muncul pada masa pemerintahan Tang Taizong 唐太宗 (598M-649M). Qiong merupakan nama sebuah pusat pentadbiran, iaitu Qiongzhoufu 琼州府 yang diwujudkan di bahagian utara pulau. Istilah yang kerap kali dikaitkan dengan Qiong ialah seperti Qiongren 琼人 (Orang Qiong), Qiongxian 琼乡 (Kampung Qiong), Qiongji 琼籍 (Status Qiong), Qiongmeng 琼民 (Rakyat Qiong) dan Qionggiao 琼侨 (Imigran Qiong).<sup>36</sup> Penggunaan istilah Qiong yang meluas dan berterusan menyebabkan istilah ini telah bersebuti dengan Pulau Hainan ini.<sup>37</sup> Oleh itu, Pulau Hainan juga dikenali sebagai Qiong, Qiongzhou, Qiongguan 琼管 atau Qiongya 琼崖. Pada masa Dinasti Song, orang Cina yang berhijrah masuk ke pulau ini secara beramai-ramai bertempat di Qiongzhou. Selepas itu, mengadaptasikan label ini sebagai identiti budaya mereka. Boleh dikatakan kesedaran sebagai orang Qiong, atau Qiongzhouren 琼州人 telah muncul sejak itu. Oleh itu, sejak penghijrahan mereka ke Asia Tenggara termasuk Sabah, Qiongzhouren, iaitu orang Negeri Qiong atau *Keng-Chiu lang* dalam sebutan Hainan menjadi identiti masyarakat Hainan.<sup>38</sup>

Pada masa awal pemerintahan Kerajaan Republik China yang ditubuhkan pada tahun 1912 itu, Qiongzhoufu ditukarkan namanya kepada Qiongyadao 琼崖道. Di bawah Qiongyadao terdapat 12 daerah pentadbiran, antara empat yang penting untuk orang Hainan di Sabah ialah daerah Wenchang, daerah Lehui, daerah Wanning dan daerah Qiongsan. Hampir semua orang Hainan yang terdapat di Sabah adalah berasal dari empat daerah ini, terutamanya

daerah Lehui dan daerah Wenchang. Mereka yang berasal dari empat daerah ini bertaburan dengan tidak sama rata di pantai barat Sabah. Istilah Qiong digunakan secara rasmi sebagai label pertubuhan mereka sehingga sebelum tahun 1990. Dalam majalah-majalah persatuan sebelum tahun 1990-an, mereka mengenali diri mereka sebagai Qiongji renshi 琼籍人士, iaitu orang Qiong atau Qiongzhou tongqiang 琼州同乡, yang bermaksud orang sekampung Qiong,<sup>39</sup> tetapi bukan orang Hainan. Oleh itu, persatuan mereka menggunakan label Qiongzhou Huiguan 琼州会馆, iaitu Persatuan Qiongzhou.

Istilah Hainan pula dalam Bahasa Mandarin bermaksud bahagian selatan lautan. Sebelum Dinasti Song 宋朝 (960 – 1279), Hainan ialah perkataan yang digunakan secara umum untuk bermaksud wilayah sepanjang pantai yang terletak di bahagian selatan China. Sejak permulaan Dinasti Song, perkataan Hainan sering muncul dalam karya sajak para sarjana. Su Dongpo 苏东坡 (1037-1101), seorang penyajak terkemuka Dinasti Song yang pernah bertugas di Pulau Hainan (1097) banyak kali merujuk pulau ini sebagai kampung halamannya. Beliau pernah menulis “海南万里是吾乡”, “海南万古是我乡”,<sup>40</sup> iaitu “Hainan ialah kampung halaman saya selama-lamanya” dan juga “稍喜海南州, 自古无战场”, iaitu “bersyukur kepada Negeri Hainan yang tidak pernah menjadi medan perang”. Selain itu, sarjana lain, dalam tempoh yang sama, pernah menyatakan “沉水香, 上品出海南黎峒”, bermaksud “kayu gaharu yang berqualiti datang dari *Liton*, Hainan”. Oleh itu, boleh dilihat di sini, selepas Dinasti Song, perkataan Hainan telah mula digunakan secara spesifik untuk mengidentifikasikan Pulau Hainan, iaitu Hainan Dao 海南岛 dalam Bahasa Mandarin.<sup>41</sup>

Di Sabah, istilah Hainan mula-mula muncul pada tahun 1884 dalam surat khabar *British North Borneo Herald*. Dalam bulan Mei tahun tersebut, surat khabar ini memaparkan satu bancian penduduk di Elopura, iaitu yang kemudiannya Sandakan, mencatatkan terdapat 47 orang Hainan di sana. Pada ketika itu, orang Hainan bersama-sama orang Teochew, Hokkien, Macao, Kheh dan Hakka dikategorikan sebagai orang Cina.<sup>42</sup>

### **Label *Hua* (Cina) Dalam Konteks Borneo**

Sehingga tahun 1961, orang Cina di Sabah telah mendukung pelbagai fahaman dan pendirian politik. Hasil daripada penglibatan mereka dalam politik China sebelum perang, ada dalam kalangan mereka menjadi penyokong ideologi Komunis. Terdapat juga mereka yang setia kepada perjuangan Kuomintang dan menyokong pemerintahan Kuomintang di Taiwan. Ada dalam kalangan mereka pula yang hanya semata-mata cintakan dan setia kepada negara tanah air mereka yang asal iaitu China.<sup>43</sup> Selain itu, di bawah pemerintahan Kerajaan Syarikat Berpiagam dan Kolonial British selama lebih kurang 80 tahun, wujudnya satu golongan yang kebanyakannya mempunyai latar belakang pendidikan Inggeris yang lebih berorientasikan British serta Borneo Utara dan menjauhkan diri dari politik China dan Kuomintang.<sup>44</sup> Oleh itu, pada ketika itu, orang Cina di Sabah tidak mempunyai satu identiti politik secara kolektif, ataupun satu kesedaran sebagai satu etnik yang berasaskan Sabah. Orang Hainan di Sabah pada ketika itu, walaupun hanya merupakan 5.04% saja daripada jumlah orang Cina,<sup>45</sup> juga memaparkan corak orientasi politik yang sama.

Desakan untuk membentuk satu kesedaran politik yang berasaskan Sabah hanya mula muncul apabila Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Tanah Melayu mencadangkan pembentukan Gagasan Malaysia. Gagasan Malaysia ialah satu pelan yang menggabungkan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura kepada satu entiti politik di mana Sabah dan Sarawak akan mencapai kemerdekaan melalui gagasan politik ini. Sekiranya Sabah akan

merdeka dan membentuk satu negeri baharu, orang Cina yang sedia menjadi warganegara negeri baharu ini perlu memikirkan satu identiti secara kolektif. Ini adalah penting supaya mereka mempunyai satu identiti politik dalam negeri baharu yang bakal wujud. Oleh yang demikian, satu pertubuhan sosial atau parti politik yang mewakili orang Cina di Sabah secara keseluruhan perlu dibentuk. Pertubuhan sosial atau parti politik ini akan mewakili mereka secara kolektif dan membawa identiti politik ini ke dalam negeri baharu.

Dengan merujuk kepada prinsip dan pengalaman orang Cina di Semenanjung Tanah Melayu yang menubuhkan *Mahua Gonghui* atau Persatuan Orang Cina Malaya 马华公会 (MCA),<sup>46</sup> Tsen Kin Tet 曾庆德, pengerusi Gabungan Dewan Perniagaan Tionghua Borneo Utara pada ketika itu mencadangkan satu pertubuhan politik yang bernama *Beipoluo Zhou Huaren Gonghui* 北婆罗州华人公会, dalam singkatan *Pohua Gonghui* 婆华公会,<sup>47</sup> iaitu Persatuan Orang Cina Borneo Utara dibentuk untuk mewakili semua orang Cina di Sabah. Walaupun Tsen yang mulakan cadangan penubuhan *Pohua Gonghui*, beliau kemudiannya menolak cadangannya yang asal ini. Pemimpin-pemimpin masyarakat Hainan yang turut menolak cadangan penubuhan *Pohua Gonghui* untuk mewakili orang Cina ialah Lin Riyin 林日瀛<sup>48</sup> dan Foo Patt Yin 符拔英.<sup>49</sup> Menurut pemimpin-pemimpin ini, *Pohua Gonghui* atau Persatuan Orang Cina Borneo Utara adalah tidak sesuai disebabkan pertubuhan ini menggunakan istilah *Hua*, yang bermaksud Cina dalam Bahasa Mandarin.

Lin Riyin membantah penubuhan *Pohua Gonghui* yang menggunakan label *Hua*. Beliau berpendapat jumlah orang Cina di Sabah adalah terlampau kurang. Jumlah ini tidak melebihi 25% daripada jumlah penduduk.<sup>50</sup> Ini adalah tidak sesuai untuk menubuhkan satu persatuan untuk diri sendiri. Tindakan ini akan mengasingkan mereka daripada penduduk peribumi, ini memberi gambaran kepada penduduk peribumi bahawa orang Cina tidak dapat menerima baik kaum peribumi. Penubuhan satu persatuan yang berasaskan satu kaum yang tunggal seperti *Huaren Gonghui*, iaitu Persatuan Orang Cina akan mengundang kesangsian kaum peribumi. Maksud “kesangsian kaum peribumi” yang disebut oleh Lin Riyin telah dijelaskan oleh Tsen Kin Tet sebelum ini, iaitu semasa Tsen membantah penubuhan *Pohua Gonghui*. Tsen berpendapat penubuhan *Pohua Gonghui* dengan menggunakan istilah *Hua* akan menimbulkan kesangsian kaum peribumi, iaitu *Hua* adalah merujuk kepada sama ada Kuomintang atau Komunis. Tsen merujuk keadaan ini sebagai, “kalau bukan Chiang, maka ialah Mao” 非蒋即毛. Chiang di sini ialah Chiang Kai Shek, pemimpin Kuomintang di Taiwan, manakala Mao ialah Mao Zedong, pemimpin Parti Komunis China.<sup>51</sup>

Oleh itu, maksud Lin dan Tsen ialah, penggunaan istilah *Hua* sebagai label orang Cina tidak lebih daripada menonjolkan identiti orang Cina sebagai penyokong Komunis, atau setidak-tidaknya penyokong Kuomintang dan “kita bukan orang Borneo Utara”.<sup>52</sup> Foo Patt Yin, mendukung pendirian yang sama dengan Lin Riyin dan Tsen Kin Tet. Foo berpandangan pada masa itu, berbanding dengan kaum peribumi, masyarakat Cina telah mencapai kemajuan dalam pelbagai segi termasuk bidang perdagangan, pertanian dan pendidikan. Masyarakat Cina juga telah mempunyai banyak persatuan yang mewakili diri mereka, penambahan satu persatuan orang Cina lagi seperti *Pohua Gonghui* hanya menimbulkan kesangsian kaum peribumi. Oleh itu, adalah lebih sesuai menubuhkan satu persatuan atau parti politik yang dapat mewakili semua kaum.<sup>53</sup> Atas sebab-sebab ini, Lin mencadangkan pertubuhan yang akan ditubuhkan dinamakan *Poren Gonghui* 婆人公会, iaitu Persatuan Orang Borneo.<sup>54</sup> Foo Patt Yin pula mencadangkan pertubuhan itu dinamakan Parti Pentadbiran Rakyat Borneo Utara 北婆罗州人民行政党.<sup>55</sup> Dengan itu, kedua-dua pertubuhan yang tersebut telah mengelakkan penggunaan istilah *Hua*.

Adalah ganjil sekali pemimpin-pemimpin yang tersebut di atas seperti Tsen Kin Tet, Lin Riyin dan Foo Patt Yin membantah penggunaan istilah *Hua* untuk pertubuhan yang baharu. Sebenarnya, istilah *Hua* telah lama digunakan secara berterusan oleh orang Cina di Sabah sendiri. Sejak sebelum kejayaan Revolusi Xin Hai pada tahun 1911 pun, orang Cina telah menggunakan istilah *Huaqiao* yang bermaksud Orang Cina Seberang Laut. Surat khabar Cina tempatan yang paling lama diterbitkan iaitu *Huaqiao Ribao*, *Overseas Chinese Daily News*, telah menggunakan istilah *Hua* sejak tahun 1936 lagi. Semasa isu *Hua* dibangkitkan, istilah *Huaren*, iaitu orang Cina, ialah istilah yang paling biasa digunakan untuk melabelkan orang Cina.<sup>56</sup> Malahan pada ketika itu, ketiga-tiga pemimpin ini, iaitu Tsen Kin Tet ialah pengerusi kepada Gabungan Dewan Perniagaan Tionghua Borneo Utara, manakala Lin Riyi dan Foo Patt Yin masing-masing ialah pengerusi kepada Dewan Perniagaan Tionghua Tuaran dan Dewan Perniagaan Tionghua Beaufort. Nama pertubuhan-pertubuhan ini juga menggunakan istilah *Hua*, iaitu *Zhonghua Shanghui* 中华商会. Oleh itu, kenapa pula mereka adalah begitu sensitif dengan penggunaan istilah *Hua* ini?

Sepanjang penghijrahan dan petempatan orang Cina di Sabah sehingga tempoh apabila pelan Gagasan Malaysia dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman, istilah *Hua* yang digunakan sebagai label orang Cina telah berlaku banyak perubahan dan mempunyai maksud yang berbeza terhadap kumpulan orang Cina yang berbeza. Sejak Revolusi Xin Hai, iaitu Revolusi 10 Oktober yang menjatuhkan Kerajaan Manchu, istilah *Hua* dan *Huaqiao* 华侨 (Orang Cina Seberang Laut) bermaksud setia dan cintakan tanah air asal iaitu China, ia kemudiannya dikaitkan dengan orientasi politik sama ada terhadap Parti Komunis atau Parti Kuomintang. Ini berlaku apabila pergolakan politik di China beralih kepada rebutan kuasa antara dua parti ini. Sepanjang tempoh ini, istilah ini, *Hua* 华 dan *Huaren* 华人 telah digunakan oleh orang Cina tanpa menyedari impak dan implikasinya ke atas istilah ini dari segi pendirian politik. Sebuah artikel dalam *Overseas Chinese Daily News* pada bulan Oktober tahun 1960 menggunakan istilah ini sempena sambutan Double Tenth Days. Nama pena penulisnya Xing Cun 幸存 yang ternyata ialah Chong Khiam 张谦, pemimpin Persatuan Longyan Kota Kinabalu. Beliau menulis, "...Double Tenth Days akhirnya menjadi hari kebangsaan, ia mendapat sanjungan tinggi dan berkat daripada semua *Huaren* (orang Cina), *Huaren* mengadakan majlis untuk menyambut hari kebangsaan negara asal mereka tidak menjadi masalah...".<sup>57</sup> Di sini, Chong Khiam mengaitkan kesetiaan dan identiti *Huaren* di Sabah dengan China kerana beliau menyatakan Double Tenth Day ialah hari kebangsaan orang Cina.

Dalam satu majlis yang lain pula, Chen Yuanen 陈元恩, pengerusi kepada Persatuan Si Yap Sandakan merujuk Dr. Sun Yat Sen sebagai Bapa Negara. Beliau berbangga sekali dengan peranan *Huaren* atau orang Cina semasa Revolusi Xin Hai. Chen mengatakan Dr. Sun Yat Sen sering merujuk *Huaqiao* (Orang Cina Seberang Laut) sebagai Ibu Kepada Revolusi.<sup>58</sup> Kekerapan mengaitkan orang Cina di Sabah dengan politik China ini telah mewarnakan identiti politik sesetengah orang Cina tersebut yang condong kepada pihak komunis atau Kuomintang.

Oleh itu, apabila Gagasan Malaysia dicadangkan supaya Sabah dapat mencapai kemerdekaan, sesetengah orang Cina merasa tidak selesa sekali menggunakan istilah *Hua*. Mereka dengan semulajadinya merasakan *Hua* ialah label yang terlampau membawa unsur orientasi politik China. Bagi mereka, istilah *Hua* ini adalah setia kepada China dan merujuk China sebagai negara mereka.

Nyata sekali, istilah *Hua* perlu diborneonisasikan sebelum ia dapat diterima sebagai identiti baharu orang Cina di negeri baharu. Borneonisasi *Hua* di sini bermaksud identiti *Hua* itu perlu dilucutkan unsur-unsur politik China dan membawa sifat tempatan serta diterima oleh

kaum peribumi. Dengan kata lain, satu versi baharu *Hua*, iaitu versi Borneo perlu diusahakan. Sebelum ini, versi Borneo untuk *Hua* banyak kali dikemukakan oleh pemimpin utama kaum peribumi seperti Donald Stephens,<sup>59</sup> beliau selalu membincangkan hal Borneonisasi. Beliau menasihatkan masyarakat Cina supaya majlis sambutan yang berbau politik China seperti Double Tenth Day tidak lagi diadakan.<sup>60</sup> Beliau juga berpendapat sistem pendidikan orang Cina yang lebih berorientasikan sistem pendidikan di China adalah tidak sesuai, ia menjadi kekangan kepada pembinaan negara baharu yang berasaskan nilai-nilai Borneo.<sup>61</sup>

Donald Stephens kemudiannya menulis satu artikel yang bertajuk “Kalau Saya Seorang Cina Borneo Utara” yang telah diterjemahkan dan dipaparkan dalam surat khabar Cina. Dalam artikel ini, Stephens menyatakan orang Cina yang versi Borneo ialah orang Cina yang beranggapan dirinya sama rata dengan peribumi, walaupun mereka memiliki sejarah budaya yang lebih panjang. Dengan itu, orang Cina juga akan berusaha belajar dan mempraktikkan budaya orang peribumi. Orang Cina versi Borneo walaupun tidak dapat lupakan budaya dan bahasa asal mereka, tetapi akan beranggapan bahasa tempatan ialah bahasa negeri baharu tetapi bukan Bahasa Cina. Selain itu, generasi mudanya juga akan berusaha menguasai bahasa tempatan ini. Akhir sekali, orang Cina versi Borneo akan beranggapan Borneo ialah satu-satunya negerinya, tempat dia mencurahkan kesetiannya dan bukan lagi China.<sup>62</sup>

Oleh yang demikian, kerisauan istilah *Hua* yang akan menimbulkan kesangsian pihak kaum peribumi yang menyebabkan pemimpin-pemimpin orang Hainan seperti Lin Riyin dan Foo Patt Yin menolak kegunaan istilah ini. Di Tuaran, iaitu tempat Lin menjadi pemimpin masyarakat Cina, hubungan masyarakat Cina dan kaum peribumi sangat baik. Pada bulan Septembar 1961, apabila satu pertubuhan yang dinamakan Persatuan Peranakan Tuaran ditubuhkan oleh pemimpin peribumi tempatan, orang Cina di Tuaran telah diundang untuk menjadi ahli. Salah satu prinsip persatuan ini ialah tidak lagi membezakan ahlinya kepada kaum Dusun, Bajau, Kadazan atau Cina, kesemuanya akan menggunakan nama “peranakan”.<sup>63</sup> Atas pertimbangan keharmonian kaum ini juga, Lin menolak penggunaan istilah *Hua*.

Manakala Foo mengutarakan label “Borneo” adalah disebabkan penglibatan beliau yang terlalu mendalam dalam pergolakan politik China sejak selepas Perang Dunia Kedua.<sup>64</sup> Beliau merupakan pengerusi Persatuan *Huaqiao* Beaufort, pertubuhan yang dibentuk untuk menyokong Parti Kuomintang. Foo juga merupakan ahli jawatankuasa Pusat Gabungan Pertubuhan Penyelamat Negara *Huaqiao*, pertubuhan ini membantu menguruskan perdagangan dua hala antara Taiwan dengan Sabah. Pertubuhan ini juga menguruskan pelajar-pelajar lepasan sekolah Cina di Sabah untuk melanjutkan pelajaran ke Taiwan.<sup>65</sup> Foo memang lantang menyatakan beliau sendiri adalah penyokong kepada Parti Kuomintang dan menentang habis-habisan pemerintahan Komunis di China.<sup>66</sup> Sebagai pengerusi Persatuan Hainan Beaufort dan Dewan Perniagaan Tionghua Beaufort, Foo kerap menganjur majlis yang berunsur politik seperti majlis sambutan Double Tenth Day dan menjadi pengerusi penganjur majlis-majlis tersebut.<sup>67</sup> Atas sebab penglibatan politik beliau pada ketika itu, istilah *Hua* akan dengan mudahnya menonjolkan identiti beliau yang terlampau berkait rapat dengan Kuomintang.

Walaupun begitu, bukan semua orang Hainan mendukung pandangan bahawa *Hua* ialah satu istilah yang dengan mudah berkait dengan Kuomintang atau Komunis China. Apabila Xie Yutang, pengerusi Dewan Perniagaan Tionghua Kota Kinabalu, memanggil mesyuarat untuk perbincangan penubuhan Pohua Gonghui Kota Kinabalu pada bulan September 1961, Persatuan Qionghuo menghantar pengerusinya Huang Zifa 黄子发 dan timbalan pengerusi Cai Youyuan 蔡有源 sebagai wakil,<sup>68</sup> yang turut hadir ialah 15 pertubuhan sosial orang Cina dan wakil orang Cina dari empat daerah berdekatan. Di bawah tuntutan Persatuan Hainan Kota

Kinabalu dan empat persatuan dialek utama yang lain, iaitu Persatuan Hokkien, Persatuan Si Yap, Persatuan Teochew dan Persatuan Hakka, perlembagaan Pohua Gonghui menetapkan keahlian Pohua Gonghui adalah berdasarkan keahlian kelima-lima persatuan dialek yang utama.<sup>69</sup> Kumpulan pemimpin yang mencadangkan istilah *Hua* ini berpendapat penggunaan *Hua* tidak akan menimbulkan kesangsian kaum peribumi. Mereka berpendapat orang Cina masih dapat berhubung dan bekerjasama dengan peribumi melalui pertubuhan ini.<sup>70</sup> Mereka berpandangan menjadi seorang Cina di Sabah yang identiti mirip orang Cina di China atau Taiwan tidak ada masalah, ini tidak menghalang kesetiaan mereka kepada Sabah.<sup>71</sup> Bagi mereka, kesetiaan inilah yang dimaksudkan sebagai mempunyai kesedaran Sabah<sup>72</sup> tetapi bukan kesedaran China. Oleh itu, tidak menjadi masalahnya sekiranya *Hua* digunakan sebagai label orang Cina di Sabah.

Menjelang awal bulan Ogos 1962, Pohua Gonghui telah mempunyai 15 cawangan yang terletak di bandar dan pekan kecil dengan jumlah ahli menjangkau 22,446 orang.<sup>73</sup> Oleh yang demikian, sehingga bulan Ogos 1962, Pohua Gonghui telah berkembang menjadi pertubuhan sosial orang Cina yang terbesar di Sabah. Cadangan untuk menubuhkan parti politik atau pertubuhan sosial yang menggunakan label Borneo atau Borneo Utara akhirnya lenyap. Sebenarnya, mereka yang mendukung pendirian ini akhirnya telah mengubah fikiran dan menjadi ahli Pohua Gonghui. Pada akhir bulan Julai 1962, apabila Pohua Gonghui Beaufort dengan rasminya ditubuhkan, Foo Patt Yin telah menjawat jawatan Timbalan Pengerusi. Antara 22 orang ahli jawatankuasa Pohua Gonghui ini, terdapat enam orang Hainan.<sup>74</sup>

Reaksi masyarakat Hainan pantai barat terhadap penggunaan istilah *Hua* sebagai label orang Cina dalam era Sabah memasuki Gagasan Malaysia menunjukkan terdapat perbezaan dalam kalangan mereka, walaupun mereka hanya sekadar 5% daripada jumlah bilangan orang Cina. Implikasi yang seterusnya ialah mereka telah melalui tahap sosialisasi dan adaptasi yang berbeza berdasarkan pengalaman politik dan kawasan pendudukan mereka. Yang ketiga, penggunaan istilah *Hua* sebagai label secara kolektif adalah satu pengalihan penting dalam identiti orang Cina di Sabah, ini adalah kali pertama masyarakat Cina di rantau ini telah disatukan dengan satu identiti baru yang berasaskan Sabah.

### **Dari Qiongzhou ke Hainan**

Untuk tujuan reformasi ekonomi dan menggalakkan pasaran bebas, dalam bulan April 1988, Kerajaan Republik Rakyat China menaik taraf Pulau Hainan kepada taraf wilayah. Dari segi identiti budaya masyarakat Hainan di rantau Asia Tenggara termasuk Sabah, tindakan Kerajaan China ini membawa beberapa kesan yang penting. Pemberian taraf wilayah kepada Pulau Hainan bermaksud tamatnya pentadbiran pulau ini di bawah Wilayah Guangdong. Keadaan ini telah menaikkan semangat, kebanggaan dan status masyarakat Hainan. Dari segi identiti, masyarakat Hainan tidak lagi bersandar kepada Wilayah Guangdong. Sebelum ini, di peringkat wilayah, orang Hainan terpaksa mengenal diri mereka sebagai orang Guangdong, tetapi sekarang mereka mengenal diri sebagai orang Hainan. Ini jelas dapat ditunjukkan dari kod rasmi tempat asal usul orang Hainan, iaitu jiguan 籍贯. Sebelum tahun 1988, sebagai contohnya, jiguan Lin Riyin ialah Wilayah Guangdong Daerah Wenchang Bandar Baitin, selepas tahun 1988, ia menjadi Wilayah Hainan Daerah Wenchang Bandar Baitin.<sup>75</sup> Sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini, masyarakat Hainan biasanya mengidentifikasikan dirinya dengan identiti Qiong, iaitu Qiongzhouren, atau orang Negeri

Qiong. Peningkatan Pulau Hainan ke taraf wilayah telah menaikkan status orang Hainan dari taraf negeri ke wilayah.

Selain itu, kenaikan taraf Pulau Hainan ini juga menyebabkan masyarakat Hainan menilai semula hubungan identiti mereka dengan tanah asal mereka. Mulai tahun 1990, Persatuan Hainan di seluruh Malaysia termasuk enam buah yang terletak di Sabah telah secara berturut-turut, menukarkan namanya dari Persatuan Qiongzhou kepada Persatuan Hainan. Pada tahun 1991, Persatuan Qiongzhou Kota Kinabalu menukarkan namanya kepada Persatuan Hainan Kota Kinabalu.<sup>76</sup> Sejak itu, istilah Qiongzhou semakin kurang digunakan malahan tidak diketahui oleh sesetengah generasi muda masyarakat Hainan.

## **Kesimpulan**

Pengalaman kumpulan kecil dialek ini menunjukkan mereka telah mengalami proses lokalisasi budaya dan politik pada tahap yang berbeza di tanah baharu. Komuniti orang Hainan yang tinggal di kawasan bandar seperti Kota Kinabalu dan orang Hainan yang tinggal di pekan kecil seperti Tuaran dan Beaufort mempunyai pandangan yang berbeza terhadap maksud *Hua*, iaitu cara dan makna yang mereka gunakan untuk mentakrifkan *Huaren* adalah berbeza. Ini telah ditunjukkan dengan baik melalui reaksi dan pandangan mereka dalam isu identiti semasa tempoh Gagasan Malaysia dilancarkan.

Kajian ini juga menunjukkan Orang Cina Seberang Laut menggunakan identiti sebagai satu alat untuk membentuk semula komunitinya di tanah baharu. Identiti asal membolehkan mereka mengenali semula ahli-ahli sekampung dan puak dan dengan itu dapat membentuk semula kehidupan masyarakatnya. Ini jelas sekali dari penggunaan label seperti Tian Hou Shengmu dan Qiongzhou pada awal petempatan orang Hainan sehingga sekarang.

Sifat utiliti identiti dan label ini akan terus digunakan oleh orang Cina. Semasa artikel ini ditulis, Lembaga Pengelola Tian Hou Gong Sabah yang dipengerusikan oleh Sun Jiaqian, iaitu pengerusi Persatuan Hainan Kudat telah memulakan projek pembinaan suatu premis sebagai satu tapak yang akan memelihara dan mengembangkan budaya Hainan dan Tian Hou Gong 天后宫文化. Tapak yang seluas tujuh ekar ini berada di Pantai Bak Bak Kudat. Ia mengandungi Tian Hou Gong, Dewan Budaya dan Sejarah Hainan serta rumah warga tua. Sebuah tabung biasiswa juga ditubuhkan untuk orang ramai tanpa mengira kaum. Ini merupakan satu-satunya projek sosial yang begitu besar yang dikelolakan oleh satu kumpulan dialek yang kecil. Dapat dilihat di sini identiti Tian Hou Shengmu dikembangkan sebagai satu budaya pelancongan dan kebajikan yang bukan semata-mata lagi untuk masyarakat Hainan.

## **Penghargaan**

Penulis menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada sidang editor *Journal of the Department of History* kerana telah menyokong dan membantu penerbitan artikel ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas galakan dan sokongan sepanjang proses penerbitan.

## Biodata

\*Seah Soo Lin (shuyen2203@gmail.com) (*coresponding author*) ialah calon Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Malaysia.

Profesor Datuk Dr. Danny Wong Tze Ken ialah Profesor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Malaysia.

## Nota

<sup>1</sup> Chan Kok Eng dan Tey Nai Peng, “Demographic Processes and Changes” dalam Lee Kam Hing and Tan Chee Beng (eds.), *The Chinese in Malaysia*, New York: Oxford University Press, 2000, hlm. 79.

<sup>2</sup> “Xiangyin Laizi Hefang” 乡音来自何方 [Asal Usul Dialek], *Xingzhou Ribao* 星洲日报 [Sin Chew Daily], 8 Februari, 2009, [sinchew.com.my](http://sinchew.com.my)

<sup>3</sup> Satu contoh yang paling baik ialah Oriental Kopi, sebuah restoran rangkaian yang menggunakan jenama makanan orang Hainan yang mula beroperasi di Johor Baru, kini berkembang menjadi satu jenama kedai makanan terkenal yang mempunyai 22 buah cawangan (termasuk salah satu di Singapura). Oriental Kopi menjadi syarikat tersenarai di pasaran utama pada Januari 23, 2025.

<sup>4</sup> Cheah See Kian 谢诗坚, *Mahua Lijie Zhonghuizhang de Suming* 马华历届总会长的宿命 [Takdir Bekas Presiden Malaysian Chinese Association], [kwonghwa.com.my](http://kwonghwa.com.my), 13 Mac, 2017, <https://www.kwongwah.com.my>

<sup>5</sup> Perdana Menteri pertama dan yang ketiga, iaitu Lee Kuan Yew dan Lee Hsien Loong berasal dari kumpulan Hakka. Perdana Menteri yang kedua, Goh Chok Tong, adalah daripada kumpulan dialek Hokkien.

<sup>6</sup> Sabah, ialah nama yang digunakan sejak negeri ini merdeka pada tahun 1963, sebelum tahun 1963, namanya ialah Borneo Utara. Untuk tujuan kekemasan, artikel ini akan menggunakan nama Sabah. Begitu juga untuk Jesselton, nama baru ibu negeri ini, iaitu Kota Kinabalu akan digunakan. Selain itu, Asia Tenggara digunakan untuk menggantikan Nanyang, Nanyang ialah nama lama yang digunakan oleh generasi tua orang Cina.

<sup>7</sup> *Yabi Hainan Huiguan jianguan 81 zhounian (1927-2008) jinian tekan* 亚庇海南会馆建馆八十一周年 (1927-2008) 纪念特刊 [Majalah Ulangtahun ke-81 Pembinaan Bangunan Persatuan, Persatuan Hainan Kota Kinabalu], 2008, Kota Kinabalu: Hainan Association Kota Kinabalu, hlm. 93.

<sup>8</sup> “Shouwei Dongma Daibiao Zhang Hainan Zonghui” 首位东马代表掌海南总会 [Wakil Malaysia Barat Kali Pertama Dilantik Presiden Persekutuan Hainan], *Xingzhou Ribao* 星洲日报 [Sin Chew Daily], 24 Jun, 2024, [sinchew.com.my](http://sinchew.com.my)

<sup>9</sup> *Yabi Hainan Huiguan jianguan 81 zhounian (1927-2008) jinian tekan* 亚庇海南会馆建馆八十一周年 (1927-2008) 纪念特刊 [Majalah Ulangtahun ke-81 Pembinaan Bangunan Persatuan, Persatuan Hainan Kota Kinabalu], hlm. 8.

<sup>10</sup> Pada tahun 1959, Kerajaan China membatalkan status daerah Lehui, Qiongdong 琼东 dan Wanning 万宁, menggabungkan ketiga-tiga daerah ini di bawah daerah Qionghai. Walaupun begitu, sehingga tahun 1990-an, seengah orang Hainan masih menggunakan label Lehui, lihat *Yabi Hainan Huiguan jianguan 70 zhounian jinian tekan* 亚庇海南会馆建馆七十周年纪念特刊 [Majalah Ulangtahun ke-70 Pembinaan Bangunan Persatuan, Persatuan Hainan Kota Kinabalu], hlm. 61.

<sup>11</sup> Ye Xiaojing, *Dangdai Hainande Malaixiya he Xinjiapo Qiongji Huaren Wenhua Ziyuan zhi Yanjiu* 当代海南的马来西亚和新加坡琼籍华人文化资源之研究 A Study on The Cultural Resources of Malaysia and Singapore Hainanese in Contemporary Hainan, PhD Thesis, Institute of Chinese Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, 2022, hlm. 223-225.

<sup>12</sup> “The Coolie Question” *British North Borneo Herald*, 1 Disember, 1891, hlm. 1.

<sup>13</sup> “Hainanren Zai Namin” 海南人在纳闽 [Orang Hainan Di Labuan], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 7 Disember, 2010, hlm. 8.

<sup>14</sup> Anwar Sullivan and Patricia Regis, “Demography”, in Anwar Sullivan and Cecelia Leong (eds.), *Commemorative History of Sabah: 1881-1981*, Kuala Lumpur: The Sabah State Government Centenary Publication Committee, 1981, hlm. 567.

<sup>15</sup> Yun Weili 云惟利, *Maguo Qionqiao Shilue* 马国琼侨史略 [Sejarah Ringkas Orang Qiong Malaysia], Kuala Lumpur: The Federation of Hainan Association Malaysia, 2024, hlm. 80.

- <sup>16</sup> Han Sin Fong, *The Chinese in Sabah: East Malaysia*, Taipei: The Orient Culture Service, 1984, hlm. 104-107.
- <sup>17</sup> Analisis dari Senarai Keahlian Persatuan Hainan Kota Kinabalu Tahun 2023, Kota Kinabalu, 14 April, 2024.
- <sup>18</sup> Han Sin Fong, *The Chinese in Sabah: East Malaysia*, hlm. 143-169.
- <sup>19</sup> Analisis dari majalah *Yabi Qiongzhou Huiguan Tekan* 亚庇琼州会馆特刊 [Majalah Persatuan Negeri Qiong Kota Kinabalu], 1964, hlm. 135-251.
- <sup>20</sup> Seah Soo Lin, *The Chinese in Beaufort*, 保佛的华人社会, Kota Kinabalu: Capital Printing, 1995, hlm. 28.
- <sup>21</sup> Untuk satu penjelasan ringkas mengenai orang Hainan di Beaufort, sila rujuk Seah Soo Lin, *The Chinese in Beaufort*, 保佛的华人社会.
- <sup>22</sup> Senarai Keahlian Persatuan Hainan Kudat sehingga tahun 2024. Temu bual Sun Jiaqian, 25 Jun, 2024. Sun merupakan pengerusi Persatuan Hainan Kudat.
- <sup>23</sup> *Guda Qiongzhou Huiguan Xinxia Luocheng Kaimu Jinian Tekan* 古达琼州会馆新厦落成开幕纪念特刊, [Majalah Persatuan Negeri Qiong Kudat Sempena Perasmian Bangunan Baru], 1985, hlm. 24-46.
- <sup>24</sup> Analisis dari majalah *Yabi Qiongzhou Huiguan Tekan* 亚庇琼州会馆特刊 [Majalah Persatuan Negeri Qiong Kota Kinabalu], 1964, hlm. 135-251.
- <sup>25</sup> Han Sin Fong, *The Chinese in Sabah: East Malaysia*.
- <sup>26</sup> Han Sin Fong, "Hailam Chinese in Sabah: A Study of Occupational Patterns and Changes", *Journal of East Asian Studies*, Vol. VI, No. 1, March 1975, hlm. 25-37.
- <sup>27</sup> Contoh-contoh tulisan ini adalah seperti yang dihasilkan oleh David Fortier dan Edwin Lee. Fortier mengkaji perubahan struktur masyarakat Cina dan corak ekonomi di Sanah, Tenom yang hasil dari pengenalan tanaman komersial oleh Barat. Sila lihat David H Fortier, "Cultural Change Among Chinese Agricultural Settlers in British North Borneo", PhD. Thesis, Columbia University, 1964. Lihat juga Edwin Lee, *The Towkays of Sabah: Chinese Leadership and Indigenous Challenge in the Last Phase of British Rule*, Singapore: Singapore University Press, 1976.
- <sup>28</sup> Eileen Lee, Shin Pyng Wong and Lyon Laxman, "Language Maintenance and Cultural Viability in the Hainanese Community: A Case Study of The Melaka Hainanese", *Athens Journal of Humanities & Arts*, 1(2), 2014, hlm. 157-168. <http://doi.org/10.30958/ajha.1-2-6>.
- <sup>29</sup> Ye Zhiping, Azlizan Mat Enh dan Suffian Mansor, artikel ini yang bertajuk "Reasons for the Immigration of Hainanese Muslim Overseas Chinese to Malaya (1870-1939): From A Push-Pull Perspective", *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Vol. 9, No. 1, 2025. <https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/332>.
- <sup>30</sup> Fu Sai Hoe, "Hainanese in Sandakan: Journey of Cultural Inheritance", *ERUDITE: Journal Of Chinese Studies and Education*, Jilid 2, Vol. 12, 2025, hlm. 156-165.
- <sup>31</sup> Satu contoh yang baik dalam kes ini ialah orang Hainan di Pulau Pinang. Orang Hainan yang tiba di Pulau Pinang pada tahun 1866 telah menubuhkan Tian Hou Miao empat tahun kemudiannya. Penubuhan Tian Hou Miao menghimpunkan orang Hainan kerana mereka mempunyai adat menyembah tuhan ini. Tian Hou Miao bukan saja menjadi tempat tumpuan sembahyang orang Hainan, pada tahun 1919, melalui ahli jawatankuasa tokong ini, orang Hainan di Pulau Pinang memulihkan Sekolah Aik Hua. Pada tahun 1925, Tian Hou Miao ditukarkan kepada Persatuan Qiongzhou. Selain dari Tian Hou Miao Pulau Pinang, didapati kebanyakan Persatuan Hainan adalah berasal dari Tian Hou Miao. Keadaan adalah sama untuk Persatuan Hainan Gopeng yang ditubuhkan pada tahun 1902. Lihat Huang Su Mei, *Kajian Persatuan Hainan Gopeng, 1903-2013* UTAR tesis sarjana muda 2013, hlm. 18-24.
- <sup>32</sup> Untuk satu penjelasan lebih lanjut mengenai Tian Hou Shengmu atau Tian Hou Gong, sila lihat Onn Huann Jan, *Haiyang yu Nanyang: Hainanren de Lishi yu Wenhua* 海洋与南洋海南人的历史与文化 [The Sea and The South Seas], Kuala Lumpur: The Federation of Hainan Association Malaysia, 2024.
- <sup>33</sup> *Yabi Hainan Huiguan Chuangguan Bashiyi Zhouninanjinian tekan, 1927-2008* [Majalah Kenangan Sempena Ulangtahun ke-81 Penubuhan Persatuan, Persatuan Hainan Kota Kinabalu], 2008, hlm. 29.
- <sup>34</sup> *Yabi Qiongzhou Huiguan Tekan* 亚庇琼州会馆特刊 [Majalah Kenangan Sempena Penubuhan Persatuan, Persatuan Negeri Qiong Kota Kinabalu], 1969, hlm. 86.
- <sup>35</sup> Yun Weili 云惟利 *Sejarah Qionggiao Malaysia* 马国琼侨史略, Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan Hainan Malaysia, hlm. 53-54.
- <sup>36</sup> *Yabi Qiongzhou Huiguan Tekan* 亚庇琼州会馆特刊 [Majalah Persatuan Negeri Qiong Kota Kinabalu], 1964, hlm. 9.
- <sup>37</sup> Onn Huann Jan, *Haiyang yu Nanyang: Hainanren de Lishi yu Wenhua* 海洋与南洋海南人的历史与文化 [The Sea and The South Seas], Kuala Lumpur: The Federation of Hainan Association Malaysia, 2024, hlm. 10.
- <sup>38</sup> Tan Chee Beng, "Social-Cultural Diversities and Identities" in Lee Kam Hing and Tan Chee Beng (eds.) *The Chinese in Malaysia*, New York: Oxford University Press, 2000, hlm. 41.
- <sup>39</sup> *Yabi Qiongzhou Huiguan Tekan* 亚庇琼州会馆特刊 [Majalah Persatuan Negeri Qiong Kota Kinabalu], 1964, hlm. 3.

<sup>40</sup> *Yabi Qiongzhou Huiguan Tekan* 亚庇琼州会馆特刊 [Majalah Persatuan Negeri Qiong Kota Kinabalu], hlm. 47.

<sup>41</sup> Ibid.

<sup>42</sup> “The East Coast” *British North Borneo Herald*, 1 May, 1884, hlm. 1 dan “The Coolie Question” *British North Borneo Herald*, 1 December, 1891, hlm. 1. Sepanjang pemerintahan Kerajaan Syarikat Berpiagam yang bermula pada awal 1880-an sehingga sebelum perang, mereka berusaha mengerah orang Hakka dari China untuk menjadi peneroka. Mereka mendapati Hakka dari China dan Hakka dari Tanah Melayu mempunyai perbezaan. Hakka dari China adalah peneroka hutan yang baik dan bersedia untuk bermastautin di Sabah, manakala Hakka dari Tanah Melayu hanya berminat untuk berniaga. Oleh itu, mereka menggunakan label Kheh untuk mengidentifikasikan Hakka dari Tanah Melayu. Untuk berita ini, sila rujuk *British North Borneo Herald*, 1 September, 1884, hlm. 4.

<sup>43</sup> Sebaik saja kemenangan Parti Komunis di Tanah Besar China pada tahun 1949, Kerajaan Kolonial di Borneo Utara telah membentuk pasukan perisik dan meningkatkan keupayaan dan kecekapan pihak berkuasa polis Borneo untuk menghadapi ancaman komunis. Selepas itu, risiko dijalankan ke atas persatuan, orang perseorangan, guru dan sekolah untuk mengawal penyusupan pengaruh komunis. Siasatan mendapati terdapat berbagai aktiviti yang berbau ideologi komunis walaupun dianggap tidak serius, sila rujuk CO537/4421 Review of Police and Security Forces in Relation to Communist Infiltration, North Borneo, CO536/4306 Organisation of Intelligence Services in the Colonies, Malaya, Singapore, North Borneo, Sarawak, CO537/4864 Political Intelligence Reports from North Borneo 1949, CO537/3763 Political Intelligence Reports for North Borneo 1948, CO537/6031 Government Policy towards Chinese in North Borneo, CO537/6084 Political Intelligence Reports from North Borneo 1950 dan CO 537/6740: Deportation Legislation North Borneo. Di sini, penulis ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ke atas jasa baik dan murah hati Profesor Danny Wong Tze Ken yang sanggup membekalkan dan mengkongsi dokumen-dokumen tersebut yang beliau perolehi dari Arkib Negara, United Kingdom.

<sup>44</sup> Sebagai contoh, lihat Md. Saffie Abdul Rahim dan Eko Prayitno Joko, “Gerakan Nasionalisme Masyarakat Bajau Era Penjajahan di Borneo Utara, 1881-1945”, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 34, No. 2, 2025, hlm. 15-18, yang membincangkan kerjasama orang Cina dengan masyarakat Bajau dalam tindakan mereka menentang pendudukan Jepun. Juga terdapat dalam Danny Wong Tze Ken, *One Crowded Moment of Glory: The Kinabalu Guerrillas and the 1943 Jesselton Uprising*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2019.

<sup>45</sup> Jumlah Orang Hainan pada tahun tersebut ialah seramai 5270 daripada jumlah besar orang Cina yang seramai 104,542 orang. Lihat Anwar Sullivan and Patricia Regis, “Demography” in *Commemorative History of Sabah: 1881-1981*, hlm. 567.

<sup>46</sup> Lua Zyn Lan, Sivachandralingam Sundra Raja dan Noraini Mohamed Hassan, “Strategik Perjuangan Parti Malaysian Chinese Association (MCA) dalam Masyarakat Cina, 1958-1969”, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 23, No. 1, 2014, hlm. 180.

<sup>47</sup> “Ying Jie Xin Shidai” 迎接新时代 [Menyambut Era Baru], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 19 Julai, 1961, hlm. 3.

<sup>48</sup> Lin Riyin dilahirkan di daerah Wenchang, Pulau Hainan. Beliau berhijrah ke Borneo Utara pada umur 14 tahun dan menuntut di Sekolah All Saint Jesselton, selepas itu melanjutkan pelajaran menengahnya di sebuah sekolah Kristian dan Kolej Perdagangan di Singapura. Beliau akhirnya memperoleh Sijil Perakaunan sebuah kolej di London. Dengan kelayakan ini, Lin berkhidmat di Jabatan Perangkaan Industri Pemaju Getah Kerajaan Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Selepas Perang Dunia Kedua, Lin dilantik sebagai Kapitan Cina daerah Tuaran, menjawat jawatan Pegawai Daerah Tuaran dan menjadi Pengerusi Dewan Perniagaan Tionghua Tuaran pada awal tahun 1960-an. Sila rujuk *Yabi Qiongzhou Huiguan Yabi Qiongzhou huiguan tekan* 亚庇琼州会馆特刊 [Majalah Persatuan Negeri Qiong Kota Kinabalu], hlm. 251.

<sup>49</sup> Foo Patt Yin dilahirkan pada tahun 1912 di daerah Wenchang, Pulau Hainan. Beliau menamatkan pelajaran di Kolej Perguruan Keenam Wilayah Guangdong. Foo berhijrah ke Borneo Utara pada umur 21 tahun untuk menolong bapanya menguruskan ladang getah di Beaufort. Beliau sangat aktif dalam banyak pertubuhan sosial tempatan, beliau dilantik sebagai Kapitan Cina. Dalam tempoh Gagasan Malaysia dicadangkan, beliau ialah pengerusi Dewan Perniagaan Tionghua Beaufort merangkap pengerusi Lembaga Pengurusan Sekolah Kung Ming Beaufort. Dari tahun 1941 hingga 1967, Foo merupakan pengerusi Persatuan Qiongzhou Beaufort iaitu yang kemudiannya ialah Persatuan Hainan Beaufort. Beliau juga turut aktif dalam urusan kerajaan pada masa pemerintahan Kerajaan Kolonial British, Foo merupakan ahli jawatankuasa Lembaga Kemajuan Getah, ahli jawatankuasa Lembaga Pembangunan Pelajaran Tempatan dan Pegawai Daerah Beaufort. Xiangcheng 向诚, *Xiandai Huaqiao renwuzhi* 现代华侨人物志 [Bibliografi Tokoh Huaqiao Moden], Taipei: Penerbit Da Zhong Hua, 1963, hlm. 199.

<sup>50</sup> Banci penduduk pada tahun 1960 menunjukkan orang Cina ialah seramai 104,542 orang, manakala jumlah penduduk Borneo Utara ialah seramai 454,421 orang, jadi peratus orang Cina ialah sebanyak 23.00% daripada jumlah penduduk Borneo Utara. Lihat Anwar Sullivan and Patricia Regis, “Demography” in *Commemorative*

*History of Sabah: 1881-1981* Anwar Sullivan and Cecelia Leong (eds.) Kuala Lumpur: The Sabah State Government Centenary Publication Committee, 1981, hlm. 567.

<sup>51</sup> “Boneng Zu Pohua” 不能组婆华 [Tidak Sesuai Menubuhkan Persatuan Orang Cina Borneo Utara], *Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 21 Ogos, 1961, hlm. 4.

<sup>52</sup> “Beipo Gonghui” 北婆公会 [Persatuan Borneo Utara] *Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 12 Ogos, 1961, hlm. 4.

<sup>53</sup> “Beipo Huaren Gonghui” 北婆华人公会 [Persatuan Orang Cina Borneo Utara], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 16 Oktober, 1961, hlm. 4.

<sup>54</sup> “Zhichi Poren Gonghui” 支持婆人公会 [Menyokong Penubuhan Persatuan Orang Borneo], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 27 September, 1961, hlm. 8.

<sup>55</sup> “Fu Bayin Fandui Pohua” 符拔英反对婆华 [Foo Patt Yin Membantah Persatuan Orang Cina Borneo Utara], *Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 28 Julai, 1961, hlm. 4.

<sup>56</sup> *Huaren* 华人, adalah istilah yang digunakan dalam surat khabar tempatan untuk mewakili orang Cina. Lihat “Chuangtong Guannian” 传统观念 [Pemikiran Tradisional], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 4 Oktober, 1960, hlm. 4. “Shandagen Zhonghua Shanghui” 山打根中华商会 [Dewan Perniagaan Tionghua Sandakan], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 19 Oktober, 1960, hlm. 4. “Chuangtong Huaren” 传统华人 [Orang Cina Tradisional], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 28 Oktober, 1960, hlm. 4. “Huaren Jiaoyu Zhidu” 华人教育制度 [Sistem Pendidikan Orang Cina], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 29 Oktober, 1960, hlm. 1.

<sup>57</sup> “Qinzhu Shuangshi Jie Zhi Yiyi” 庆祝双十节之意义 [Maksud Menyambut Double Tenth Day], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 18 Oktober, 1960, hlm. 8.

<sup>58</sup> “Siyi Gonghui Zhuxi” 四邑公会主席 [Pengerusi Persatuan Siyi], *Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 11 Julai, 1961, hlm. 4.

<sup>59</sup> Sila lihat Saimin Ginsari dan Joseph M. Fernando, “Donald Stephens dan Peranannya dalam Pembentukan Malaysia”, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 23, No. 1, 2014, hlm. 175-202. Artikel ini membincangkan peranan Donald Stephens, yang merupakan pemimpin utama pihak Sabah dalam proses pembentukan Malaysia.

<sup>60</sup> “Duzhe Zhishen” 读者之声 [Suara Hati Pembaca], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 18 Oktober, 1960, hlm. 4.

<sup>61</sup> “Shetuan Lingxiu” 社团领袖 [Pemimpin Pertubuhan Sosial], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 28 Oktober, 1960, hlm. 4.

<sup>62</sup> “Ruowoshi Beipo Yi Huaren” 若我是北婆一华人 [Kalau Saya Seorang Cina Borneo Utara], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 14 Disember, 1960, hlm. 4.

<sup>63</sup> “Douyulan Huaren” 斗亚兰华人 [Orang Cina Di Tuaran], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 27 September, 1961, hlm. 8.

<sup>64</sup> “Political Intelligence Report from North Borneo 1949”, CO537/4864.

<sup>65</sup> Xiangcheng 向诚, *Xiandai Huaqiao renwuzhi* 现代华侨人物志 [Bibliografi Tokoh Huaqiao Moden], hlm. 199.

<sup>66</sup> “Fu Bayin Buzancheng Pohua” 符拔英不赞成婆华 [Foo Patt Yin Tidak Setuju Persatuan Orang Cina Borneo Utara], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 16 Oktober, 1961, hlm. 8.

<sup>67</sup> “Qinzhu Shuangshi Jie” 庆祝双十节 [Menyambut Double Tenth Day], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 12 Oktober, 1960, hlm. 4.

<sup>68</sup> “Baxian Huaren Daibiao” 吧县华人代表 [Wakil Orang Cina Daerah Papar], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 25 September, 1961, hlm. 8.

<sup>69</sup> “Yinyi Huiguan Wei Jigan” 应以会馆为基干 [Pertubuhan Dialek Sebagai Asas], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 5 Oktober, 1961, hlm. 8.

<sup>70</sup> “Bubi Huiyan Pohua” 不必讳言婆华 [Tidak Perlu Meragui Persatuan Orang Cina], *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 6 Ogos, 1961, hlm. 8.

<sup>71</sup> “Duzhe Zhishen” 读者之声 [Suara Hati Pembaca], *Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 18 Oktober, 1961, hlm. 4.

<sup>72</sup> “Sixiang, Zhenzhi” 思想, 政治 [Pemikiran, Politik], *Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 30 November, 1961, hlm. 4.

<sup>73</sup> “Pozhong Changsheng” 婆总产生 [Penubuhan Gabungan Persatuan Orang Cina Borneo Utara], *Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 7 Ogos, 1962, hlm. 4.

<sup>74</sup> “Fo Pohua Chansheng” 佛婆华产生 [Persatuan Orang Cina Beaufort] *Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 26 Julai, 1962, hlm. 8.

<sup>75</sup> *Yabi Qiongzhou Huiguan tekan* 亚庇琼州会馆特刊 [Majalah Persatuan Negeri Qiong Kota Kinabalu], 1964, hlm. 251.

<sup>76</sup> *Yabi Hainan huiguan jianguan 81 zhounian jinian tekan* 亚庇海南会馆建馆八十一周年纪念特刊 [Majalah Ulangtahun ke-81 Pembinaan Bangunan Persatuan, Persatuan Hainan Kota Kinabalu], Kota Kinabalu: Hainan Association Kota Kinabalu, 2008, hlm. 24.

## Rujukan

*British North Borneo Herald*, 1 May, 1884.

*British North Borneo Herald*, 1 December 1891.

Chan Kok Eng and Tey Nai Peng, “Demographic Processes and Changes” in Lee Kam Hing and Tan Chee Beng (eds.), *The Chinese in Malaysia*, New York: Oxford University Press, 2000.

Colony of North Borneo, *A Five-Year Plan of Educational Development For The Year 1947 – 1951*, by R.E. Perry, Acting Director of Education.

Colony of North Borneo, *Cobbold Report*, Jesselton, 21<sup>st</sup> July, 1962.

Edwin Lee, *The Towkays of Sabah: Chinese Leadership and Indigenous Challenge in the Last Phase of British Rule*, Singapore: Singapore University Press, 1976.

Eileen Lee, Shin Pyng Wong and Lyon Laxman, “Language Maintenance and Cultural Viability in the Hainanese Community: A Case Study of The Melaka Hainanese”, *Athens Journal of Humanities & Arts*, 1(2), 2014, hlm. 157-168. <http://doi.org/10.30958/ajha.1-2-6>.

Fortier, David H, *Cultural Change Among Chinese Agricultural Settlers in British North Borneo*, Ph.D. Thesis, Columbia University, 1964.

Fu Sai Hoe, “Hainanese in Sandakan: Journey of Cultural Inheritance”, *ERUDITE: Journal Of Chinese Studies and Education*, Jilid 2, Vol. 12, 2025, hlm. 156-165.

Han Sin Fong, “Hailam Chinese in Sabah: A Study of Occupational Patterns and Changes”, *Journal of East Asiam Studies*, Vol. VI, No. 1, March 1975, hlm. 25-37.

Han Sin Fong, *The Chinese in Sabah: East Malaysia*, Taipei: The Orient Culture Service, 1984.

Huang, Yao 黄尧, *Xinma Huarenzhi* 新马华人志 [Rekod Orang Cina Singapura dan Malaysia], Hong Kong: Mingjian chubanshe, 1967.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 14 Disember, 1960.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 19 Julai, 1961.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 26 Julai, 1962.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 6 Ogos, 1961.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], Oktober 4, 1960.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], Oktober 5, 1960.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], Oktober 12, 1960.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], Oktober 16, 1960.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], Oktober 18, 1960.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], Oktober 19, 1960.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], Oktober 28, 1960.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], Oktober 29, 1960.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 13 September, 1961.

*Huaqiao Ribao* 华侨日报 [Overseas Chinese Daily News], 27 September, 1961.

Jones, L.W., *North Borneo Report on the Census of Population*, Kuching, Government Printing Office, 1962.

Jones, L.W., *The Population of Borneo: A Study of Peoples of Sarawak, Sabah and Brunei*. London: The Athlone Press, 1966.

Lua Zyn Lan, Sivachandralingam Sundra Raja dan Noraini Mohamed Hassan, "Strategik Perjuangan Parti Malaysian Chinese Association (MCA) dalam Masyarakat Cina, 1958-1969", *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 23, No. 1, 2014, hlm. 180.

Lee Yong Leng, *North Borneo (Sabah): A Study in Settlement Geography*, Singapore: Eastern Universities Press, 1965.

Md. Saffie Abdul Rahim dan Eko Prayitno Joko, "Gerakan Nasionalisme Masyarakat Bajau Era Penjajahan Di Borneo Utara, 1881-1945", *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 34, No. 2, 2025, hlm. 15-18.

North Borneo (Malaysia), *Summary of the Report of The Inter-Governmental Committee*, Government Printer, Jesselton.

Onn Huann Jan, *Haiyang yu Nanyang: Hainanren de Lishi yu Wenhua* 海洋与南洋海南人的历史与文化 [The Sea and The South Seas], Kuala Lumpur: The Federation of Hainan Association Malaysia, 2024.

Saimin Ginsari dan Joseph M. Fernando, “Donald Stephens dan Peranannya dalam Pembentukan Malaysia”, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 23, No. 1, 2014, hlm. 175-202.

Seah, Soo Lin, *Baofu de Huaren Shehui* 保佛的华人社会[Orang Cina di Beaufort], Kota Kinabalu: Capital Printing, 1995.

Seah, Soo Lin, *Perkembangan Sekolah-Sekolah Di Borneo Utara/Sabah, 1888-1970: Suatu Tinjauan Dari Segi Sejarah*, Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2001.

*Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 11 Julai, 1961.

*Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 28 Julai, 1961.

*Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 7 Ogos, 1962.

*Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 12 Ogos, 1961.

*Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 21 Ogos, 1961.

*Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 18 Oktober, 1961.

*Shandagen Ribao* 山打根日报 [Sandakan Jih Pao], 30 November, 1961.

State of Sabah, *Annual Report on The Protectorate Department and Secretariat for Chinese Affairs, 1926, 1929, 1930, 1931, 1932, 1933.*

Sun Jiaqian 孙家谦 (Pengerusi Persatuan Hainan Kudat), temu bual oleh penulis, Kudat, 25 Jun, 2024.

Sullivan, Anwar and Cecilia Leong (eds.), *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, Kota Kinabalu: Sabah State Government Centenary Publications Committee, 1981.

Tan Chee Beng, “Social-Cultural Diversities and Identities” in Lee Kam Hing and Tan Chee Beng (eds.) *The Chinese in Malaysia*, New York: Oxford University Press, 2000.

Wong Tze Ken, Danny, “A Hybrid Community in East Malaysia: The Sino-Kadazans of Sabah and Their Search for Identity.”, *Archipel* 84(84): 107-127, 2012. <https://www.researchgate.net>

Wong Tze Ken, Danny, *Community and Society*, Kota Kinabalu: Natural History (Borneo) Publications, 2005.

Wong Tze Ken, Danny, *Historical Sabah: The Chinese*. Kota Kinabalu: Natural History (Borneo) Publications, 2005.

Wong Tze Ken, Danny, *One Crowded Moment of Glory: The Kinabalu Guerrillas and the 1943 Jesselton Uprising*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2019.

Wong Tze Ken, Danny, “The Chinese in Sabah: An Overview.” in Lee Kam Hing and Tan Chee Beng (eds.), *The Chinese in Malaysia*. New York: Oxford University Press, 1998, hlm. 382-405.

Wong Tze Ken, Danny, *The Transformation of an Immigrant Society: A Study Of the Chinese of Sabah*, London: Asean Academic Press Ltd, 1998.

Xiang, Cheng向诚, *Xiandai Huaqiao Renwu Zhi* 新代华侨人物志 [Catatan Tokoh Huaqiao Moden], Taipei: Dazhonghua Chubanshe, 1963.

*Xingzhou Ribao* 星洲日报 [Sin Chew Daily], 8 Februari, 2009.

*Xingzhou Ribao* 星洲日报 [Sin Chew Daily], 24 Jun, 2024.

*Yabi Hainan Huiguan jianguan 81 zhounian(1927-2008) jinian tekan* 亚庇海南会馆建馆八十一周年(1927-2008)纪念特刊 [Majalah Ulangtahun ke-81 Pembinaan Bangunan Persatuan, Persatuan Hainan Kota Kinabalu], Kota Kinabalu: Hainan Association Kota Kinabalu, 2008.

*Yabi Hainan Huiguan jianguan 70 zhounian jinian tekan* 亚庇海南会馆建馆七十周年纪念特刊 [Majalah Ulangtahun ke-70 Pembinaan Bangunan Persatuan], Persatuan Hainan Kota Kinabalu, 1997.

*Yabi Qiong Zhou Huiguan tekan* 亚庇琼州会馆特刊 [Majalah Persatuan Qiongzhou Kota Kinabalu]. Kota Kinabalu, 1969.

Ye Xiaojing, 当代海南的马来西亚和新加坡琼籍华人文化资源之研究 A Study on The Cultural Resources of Malaysia and Singapore Hainanese in Contemporary Hainan, PhD Thesis, Institute of Chinese Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, 2022.

Ye Zhiping, Azlizan Mat Enh dan Suffian Mansor, “Reasons for the Immigration of Hainanese Muslim Overseas Chinese to Malaya (1870-1939): From A Push-Pull Perspective”, *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Vol. 9, No. 1, 2025. <https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/332>.

Yun Weili云惟利, *Maguo Qioangqiao Shilue* 马国琼侨史略 [Sejarah Qiongqiao Malaysia], Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan Hainan Malaysia, 2024.

Zeng Qingbo曾庆波, *Dongma Mingren Zhuan* 东马名人传 [Biografi Orang Kenamaan Malaysia Barat], 1978.

Zhan Zunkai詹尊凯 (Pengerusi Persatuan Hainan Beaufort), temu bual oleh penulis, Beaufort, 1 Mei, 2007 dan 5 Mei, 2007.

Zhan Zunke詹尊科 (Pekedai Kopi), temu bual oleh penulis, Beaufort, 1 Mei, 2007, 5 Mei, 2007 dan Mac 12, 2017.

*Zhanshi Zupu Baofu* 詹氏族谱保佛 [Salasilah Pauk Zhan Beaufort].